



ANGGOTA bomba memindahkan mangsa banjir di Kampung Gali Tengah, Raub.

Sungai Ruan melimpah

Raub: Seramai 98 orang daripada 28 keluarga di tiga kampung di Dong di sini, terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara, akibat banjir kilat yang melanda kawasan itu, pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Superintendan Wan Mohd Zahari Wan Busu berkata, semua mangsa mula dipindahkan secara berperingkat sejak jam 9 pagi.

“Mereka ditempatkan kini di Dewan Serbaguna Kampung Gali Tengah, Masjid Kuala Temau dan Balairaya Kampung Tok Machang,” katanya

ketika dihubungi di sini, semalam.

Menurutnya, kejadian berpunca daripada limpahan air Sungai Ruan selepas hujan lebat yang berterusan sejam pada tengah malam sebelumnya.

“Sehingga petang ini (semalam), keadaan paras air mulai surut, tetapi pasukan keselamatan sentiasa waspada sekiranya berlaku hujan lebat pada sebelah malam dan bencana itu berulang.

“Kita percaya ini hanyalah banjir kilat, bukannya banjir monsun,” katanya.